

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 JAN 2015

# Pakej holistik mangsa banjir diumumkan Selasa

BH-16/1/2015



**Najib menerima Kapsul Masa Amanat Perdana Menteri** daripada Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Mat Noor Nawi sambil diperhatikan (dari kanan) Ahmad Bashah dan Hasan ketika merasmikan Menara Berkembar Bank Rakyat, di Kuala Lumpur, semalam. Kapsul masa itu akan disimpan sebelum dikeluarkan semula pada ulang tahun ke-100 Bank Rakyat untuk dibaca pemimpin akan datang.

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

» Perdana Menteri turut bentang penstrukturan semula Bajet 2015

Oleh Haspaizi Mohd Zain dan Mahanum Abdul Aziz  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erajaan akan mengumumkan pakej menyeluruh bagi membantu mangsa banjir, khususnya di Pantai Timur, pada Selasa ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata ia akan

“**Ia akan diumumkan dalam sesi pembentangan mengenai dasar kerajaan bagi hadapi cabaran tahun 2015**”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

diumumkan dalam sesi pembentangan mengenai dasar kerajaan bagi menghadapi cabaran tahun 2015.

“Insya-Allah minggu depan pada hari Selasa, bila saya buat pengumuman berkenaan dasar kerajaan menghadapi cabaran 2015 ini, saya akan umumkan pakej lebih menyeluruh bagaimana kita mahu membantu mangsa banjir,” katanya ketika merasmikan Menara Berkembar Bank Rakyat, di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek dan Timbalannya, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

## Struktur semula Bajet 2015

Sebelum ini, Perdana Menteri mengumumkan kerajaan akan mengadakan penstrukturan semula Bajet 2015 selepas negara berdepan dengan beberapa situasi di luar jangka.

Penstrukturan semula Bajet 2015 bakal dilakukan berikutan harga minyak dunia jatuh secara mendadak, selain kejatuhan nilai ringgit serta banjir besar yang melanda Pantai Timur baru-baru ini menuntut kepada perubahan perbelanjaan negara.

## Tukar nama Jalan Travers

Sementara itu, Najib mengumumkan pertukaran nama Jalan Travers, di hadapan menara berkembar Bank Rakyat kepada Jalan Rakyat.

Perdana Menteri berkata, sebahagian Jalan Travers itu membabitkan persimpangan Jalan Tun Sambanthan hingga ke persimpangan dengan Jalan Bangsar dan Jalan Travers, membabitkan anggaran jalan sepanjang 300 meter.